

**TEKS UCAPAN MAJLIS PENUTUP NAIB CANSELOR OLEH  
Y. BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN  
SEMPENA PERSIDANGAN ANTARABANGSA  
"THE 2<sup>ND</sup> INTERNATIONAL CONFERENCE ON ENGINEERING & ICT  
(ICEI 2010)"**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.

ASSALAMUALAIKUM WRT.WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA

TERIMA KASIH SAUDARA Pengerusi Majlis,

Y.B. DATUK HJ. YAAKUB BIN MD. AMIN,

Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Sains &  
Teknologi dan Sumber Manusia, mewakili Y.A.B. DATUK SERI  
HJ. MOHD ALI BIN MOHD. RUSTAM, Ketua Menteri Melaka

Y. BHG. PROF. DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI,

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Y. BHG. ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN, ,

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana ICEI 2010.

PEGAWAI – PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

PEMBENTANG KERTAS KERJA,

PESERTA PERSIDANGAN,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ALHAMDULILAH, SEGALA PUJI-PUJIAN BAGI ALLAH S.W.T, TUHAN SEKALIAN ALAM YANG TELAH MENGIZINKAN KITA UNTUK SAMA-SAMA BERHIMPUN DI HARI INI DALAM MAJLIS PERASMIAN PENUTUP SEMPENA PERSIDANGAN ANTARABANGSA “THE 2<sup>ND</sup> INTERNATIONAL CONFERENCE ON ENGINEERING & ICT (ICEI 2010) YANG DIANJURKAN OLEH UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM).

DI KESEMPATAN INI, INGIN SAYA MERAKAMKAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH ATAS KESUDIAN Y.B DATUK HJ. YAAKUB BIN MD AMIN, MEWAKILI Y.A.B DATUK SERI HJ MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM UNTUK HADIR MERASMIKAN MAJLIS PENUTUP PERSIDANGAN ANTARABANGSA ANJURAN UTEM INI.

- 1) SEKALUNG PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA JAWATANKUASA PELAKSANA PERSIDANGAN, FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DI ATAS KOMITMEN DAN KESUNGGUHAN UNTUK MENGANJURKAN PERSIDANGAN YANG BUKAN SAHAJA DAPAT MENEPATI SARANAN ASPEK PENDIDIKAN NEGARA MALAH DAPAT MENAIKKAN NAMA UTEM DI PERINGKAT ANTARABANGSA.
  
- 2) TIDAK KETINGGALAN SAYA INGIN MENYAMPAIKAN UCAPAN PENGHARGAAN DI ATAS PENYERTAAN SEMUA PESERTA PERSIDANGAN. SEMOGA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN MEMPEROLEH MANFAAT YANG TERBAIK HASIL DARI PENGANJURAN PERSIDANGAN INI.
  
- 3) TIDAK DILUPAKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA PENAJA-PENAJA SERTA SYARIKAT YANG TELAH MENGHULURKAN SUMBANGAN BAGI MENJAYAKAN MAJLIS.

Y.B DATUK/ TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

- 4) SUKA SAYA BERKONGSI SEDIKIT MAKLUMAT BERHUBUNG KEJAYAAN PERSIDANGAN KALI INI. UNTUK MAKLUMAN Y.B DATUK, **SERAMAI LEBIH KURANG 160 ORANG PESERTA** YANG TERDIRI DARI AHLI AKADEMIK TEMPATAN DAN ANTARABANGSA TELAH PUN MENGIKUTI PERSIDANGAN ICEI 2010. DELEGASI ANTARABANGSA PULA TERDIRI DARI AHLI AKADEMIK DARI UNITED KINGDOM, INDIA, JEPUN, INDONESIA, IRAN, GERMAN, FILIPINA, AUSTRALIA, NEW ZEALAND, QATAR, BRUNEI, IRAN DAN LIBYA.
- 5) TERCATAT DI SINI JUGA, **SEJUMLAH 180 KERTAS KERJA** TELAH PUN DIBENTANGKAN SEPANJANG PERSIDANGAN BERLANGSUNG. INI MERUPAKAN PENCAPAIAN YANG SEHARUSNYA DIBANGGAKAN DALAM USAHA MEMARTABATKAN AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN. MALAH, DENGAN KEJAYAAN PERSIDANGAN INI, SAYA PASTI IA AKAN MENYUMBANG KEPADA KEBERHASILAN PENGANJURAN PERSIDANGAN LAIN YANG BAKAL MENGAMBIL TEMPAT DALAM TAHUN INI, ANTARANYA SEPERTI:

- A) INTERNATIONAL CONFERENCE OF COMMUNICATION DYNAMICS (ICCD 2010), 5-6 APRIL 2010.
- B) INTERNATIONAL CRYPTOLOGY CONFERENCE 2010, 29,30 JUN-1 JULY 2010, SERTA
- C) INTERNATIONAL CONFERENCE DESIGN AND CONCURRENT ENGINEERING 2010, 20-21 SEPTEMBER 2010.

Y.B DATUK DAN HADIRIN SEKALIAN

- 6) KITA SEBENARNYA ADALAH PENYUMBANG KEPADA MASA HADAPAN DUNIA DENGAN SEGALA YANG KITA LAKUKAN PADA HARI INI. OLEH ITU, SAYA BERHARAP, JADIKANLAH TEMA PERSIDANGAN INI “POWERING TECHNOLOGY THROUGH SUSTAINABLE DEVELOPMENT” SEBAGAI BATU ASAS UNTUK KITA MENYEDARI PERKAITAN ANTARA TEKNOLOGI DAN PEMBANGUNAN DALAM MENERUSKAN KELESTARIAN KEHIDUPAN.

7) SEPANJANG PERSIDANGAN DIANJURKAN, BUKAN SAHAJA PESERTA DIEDAHKAN DENGAN INPUT AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN, SEBALIKNYA ASPEK NETWORKING DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT BIDANG KEPAKARAN JUGA MENJADI CIRI PENTING YANG AKAN DIBAWA BALIK KE ORGANISASI MASING-MASING. GUNAKANLAH IA SEBAIK MUNGKIN TERUTAMA DALAM MEWUJUDKAN KOLOBORASI PENYELIDIKAN DALAM BIDANG-BIDANG YANG SEMAKIN BERKEMBANG.

8) MALAH, SAYA DIFAHAMKAN PIHAK PENGANJUR JUGA TELAH MENYEDIAKAN ANUGERAH KHAS “BEST PAPER” SEPANJANG PERSIDANGAN DIJALANKAN. TAHNIAH DAN SYABAS SAYA UCAPKAN KEPADA PEMENANG, SEMOGA ANUGERAH INI MENDORONG USAHA YANG BERTERUSAN DALAM MEMARTABATKAN DUNIA PENYELIDIKAN.

9) SAYA SEDIA MAKLUM JUGA, ADA DI ANTARA PARA PESERTA YANG MENGIKUTI AKTIVITI “SIGHT SEEING” DI SEKITAR BANDAR MELAKA YANG DIIKTIRAF SEBAGAI BANDAR WARISAN

DUNIA. DIHARAPKAN PELBAGAI MANFAAT TELAH DIDAPATI DAN SEMUA PESERTA BERPUAS HATI DENGAN SEGALA LAYANAN YANG DIBERIKAN SEPANJANG BERADA DI SINI. KAMI MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN SEMUA UNTUK PERSIDANGAN ANJURAN UTEM YANG AKAN DATANG.

IZINKAN SAYA MENERUSKAN UCAPAN DALAM BAHASA INGGERIS,

- 1) FIRSTLY, I WOULD LIKE TO THANK THE CONFERENCE'S COORDINATING COMMITTEE, THE FACULTY OF ELECTRICAL ENGINEERING FOR ORGANIZING A CONFERENCE THAT NOT ONLY FULFILLS THE ASPIRATION OF THE COUNTRY'S EDUCATION VISION BUT ALSO PROPELS UTEM INTO THE INTERNATIONAL SCENE, IN LINE WITH UTEM'S DETERMINATION IN BECOMING A RENOWNED GLOBAL UNIVERSITY.

- 2) I WOULD ALSO LIKE TO GIVE MY HEARTIEST APPRECIATION TO ALL THE PARTICIPANTS AND THE SPONSORS WHO HAVE MADE THIS CONFERENCE A SUCCESS.
- 3) THE THEME FOR THIS CONFERENCE, 'POWERING TECHNOLOGY THROUGH SUSTAINABLE DEVELOPMENT' HIGHLIGHTS THE IMPORTANCE OF CONTINUOUSLY IMPROVING TECHNOLOGY TO BENEFIT MANKIND WITHOUT SACRIFICING THE SANCTITY OF OUR NATURE AND ENVIRONMENT. AS WE STRIVE TO FIND MORE CREATIVE AND INNOVATIVE WAYS TO SIMPLIFY AND MAKE OUR LIFE EASIER, WE MUST NOT NEGLECT OUR RESPONSIBILITIES IN ENSURING A SUSTAINABLE WORLD FOR OUR FUTURE GENERATIONS. SO LET US MAKE THE THEME OF THIS CONFERENCE OUR BENCHMARK TO MAINTAIN THE BALANCE BETWEEN TECHNOLOGY AND ENVIROMENT PRESERVATION.
- 4) I CONGRATULATE ALL THE PARTICIPANTS CHOSEN FOR THE BEST PAPER AWARD. BUT THIS DOES NOT MEAN THAT THE OTHERS ARE NOT QUALIFIED. EACH HAS ITS OWN UNIQUENESS AND SIGNIFICANT CONTRIBUTION. I HOPE THAT THIS CONFERENCE HAS PROVIDED A MEDIUM FOR PEOPLE FROM



VARIOUS BACKGROUNDS TO SHARE THEIR IDEAS AND NURTURE FURTHER COLLABORATION BETWEEN RESEARCHERS AND INDUSTRIALISTS.

5) I WAS INFORMED THAT SOME OF THE PARTICIPANTS JOINED THE SIGHT-SEEING ACTIVITY ORGANIZED. THE VISIT TO SOME OF THE WONDERFUL AND EXCITING PLACES OF MELAKA AS THE WORLD'S HERITAGE CITY HAS TO OFFER. I DO HOPE YOU ENJOYED IT. IT IS ALSO MY WISH THAT THE PARTICIPANTS ARE SATISFIED WITH THE HOSPITALITY PROVIDED DURING YOUR STAY HERE. THANK YOU.

AKHIR KATA, SEKALI LAGI SAYA MEWAKILI WARGA UTEM MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA SEMUA PIHAK DAN MENGHARAPKAN AGAR OBJEKTIF PERSIDANGAN KALI INI TERCAPAI.

SEKIAN, TERIMA KASIH.